

**Perdagangan Malaysia-Korea Selatan Terus Momentum Pertumbuhan
Bernama
22 Januari, 2013
Oleh Prem Kumar Panjamorthy**

KUALA LUMPUR, 22 Jan (Bernama) -- Perdagangan dan pelaburan dua hala antara Malaysia dan Korea Selatan dijangka melonjak dalam tahun-tahun akan datang, memandangkan kerjasama kukuh antara kerajaan dan dunia korporat kedua-dua negara.

Setiausaha Agung Pusat Asean-Korea, Chung Hae Moon, berkata pertalian kukuh Korea Selatan dengan negara-negara anggota Asean, akan mempertingkatkan lagi pergerakan barangan dan perkhidmatan antara kedua-dua negara.

"Malaysia merupakan rakan strategik utama Korea Selatan berdasarkan sumber asli dan tenaga. Kira-kira 110 syarikat Korea menjalankan perniagaan di Malaysia.

"Sebagai sebahagian daripada usaha untuk mewujudkan satu saluran baharu bagi kerjasama perindustrian, kedua-dua negara kini memberikan tumpuan kepada empat bidang, iaitu, tanaman, elektronik, kenderaan serta sistem perdagangan dan pelaburan," katanya kepada Bernama.

Menurut Chung, jumlah perdagangan antara Malaysia dan Korea Selatan telah meningkat kepada US\$17.598 bilion tahun lepas daripada US\$16.742 bilion pada 2010.

"Ini menunjukkan peningkatan perdagangan yang kukuh antara kedua-dua negara, sekali gus menyerlahkan prospek pertumbuhan perdagangan dalam jangka panjang antara kedua-dua negara kita," katanya.

Pelaburan Korea Selatan di Malaysia bagi tempoh Januari hingga September tahun lepas berjumlah US\$244 juta, dan ini merupakan peningkatan sekali ganda daripada tempoh yang sama setahun lalu.

Chung berkata Pusat Asean-Korea akan menganjurkan beberapa misi perdagangan ke Malaysia, dengan tumpuan kepada sektor khusus, untuk memperkukuhkan rangkaian perindustrian antara Malaysia dan Korea Selatan.

"Pusat ini, khususnya, sedang membuat persediaan bagi program-program pameran perdagangan yang mempelawa syarikat-syarikat berprestasi cemerlang dari Asean ke Korea Selatan untuk membantu mereka memasuki pasaran tempatan.

"Tahun ini, kami juga merancang untuk mempelawa syarikat-syarikat Malaysia ke Pameran Perabot dan Hiasan Dalaman Antarabangsa, dan Pameran Cenderahati Seoul.

"Inisiatif-inisiatif ini akan mempermudah kemasukan syarikat Malaysia ke pasaran Korea Selatan," tegas beliau.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=923506>